

09 AUG 2001

Pemuda-Meritokrasi

PEMUDA UMNO JB CADANG MERITOKRASI DILAKSANAKAN TAHUN 2007

JOHOR BAHRU, 9 Ogos (Bernama) -- Pemuda Umno Johor Baharu mencadangkan agar Pemuda Umno mengadakan perhimpunan khas untuk membincangkan pelaksanaan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti supaya pelajar Melayu benar-benar bersedia menghadapi saingan.

Ketuanya Abu Talib Alias juga mencadangkan agar kerajaan melaksanakan sistem meritokrasi hanya pada tahun 2007 bagi membolehkan pelajar Melayu mulai tingkatan satu tahun 2002 lebih bersedia sedia dan menyedari saingan yang bakal mereka hadapi.

Sambil menyambut baik jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sistem meritokrasi itu akan dijalankan secara berperingkat, beliau berkata kaedah untuk memastikan pelajar Melayu mampu menghadapi saingan perlu diberi perhatian serius.

"Dalam hal yang sebegini penting dan yang melibatkan masa depan generasi muda Melayu, saya percaya Pemuda Umno harus berperanan besar dan berkesan bagi merealisasikan pandangan Presiden parti," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Inilah sebenar-benarnya peluang bagi Pemuda Umno membuktikan sumbangan paling besar mereka kepada bangsa dan negara iaitu dengan melaksanakan peranan utama memastikan pelajar Melayu mampu bersaing dengan pelajar kaum lain dan turut mencipta kejayaan cemerlang dalam pendidikan.

Abu Talib, yang turut hadir mendengar taklimat oleh Dr Mahathir di Kuala Lumpur semalam, berkata beliau bimbang jika meritokrasi itu dijalankan dalam tempoh terdekat, ia akan menjejaskan peluang pelajar Melayu melanjutkan pelajaran ke universiti.

"Kini terpulang kepada Pemuda Umno bagaimana mahu memastikan pendekatan terbaik dapat dibuat bagi menyiapkan pelajar Melayu," katanya sambil mengajak Puteri Umno berusaha bersama-sama memperjuangkan masa depan pendidikan anak-anak Melayu.

Katanya, penglibatan Puteri Umno penting kerana bilangan pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki dan tentunya mereka akan lebih selesa dibimbing dan diberi dorongan oleh Puteri Umno.

Beliau berkata Pemuda Umno Johor Baharu bersama-sama dengan Umno Bahagian sudahpun memberikan tumpuan penuh kepada bidang pendidikan dengan menjalankan ceramah peperiksaan dan seminar motivasi untuk pelajar Melayu di sini.

Bahagian Johor Baharu memperuntukkan RM100,000 setahun sejak dahulu lagi untuk memastikan pelajar Melayu mendapat bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan dalam bidang pendidikan, katanya.

-- BERNAMA

MNY MAI